

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 FEBRUARI 2016 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Penyelidikan dan pembangunan oleh sektor swasta penting, kata Madius	BERNAMA
2.	Gempa bumi sederhana landa Taiwan Khamis	BERNAMA
3.	Minor tremor may have halted big quake	The Star
4.	Tarikan ikan gred A	Berita Harian
5.	Dua sarjan ditahan SPRM Negeri Sembilan kini direman	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 19 FEBRUARI 2016 (JUMAAT)



Penyelidikan Dan Pembangunan Oleh Sektor Swasta Penting, Kata Madius

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Kerajaan mahu melihat sektor swasta lebih terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan pengkomersilan produk inovatif.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, ia seiring dengan objekif Tahun Pengkomersilan Malaysia 2016.

"Kita perlu menyedari bahawa untuk memulihkan ekonomi kita, inovasi teknologi adalah penting bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi Malaysia," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2016 di sini, Khamis.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Madius berkata, adalah penting untuk Malaysia memupuk kerja-kerja R&D ke dalam perniagaan yang berdaya maju dan mampan yang penting bagi mengukuh dan menyumbang secara positif kepada ekonomi negara.

"Malah, Malaysia telah menduduki tempat 32 daripada 131 negara dalam Laporan Indeks Inovasi Global oleh Pertubuhan Harta Intelek Dunia dan Universiti Cornell Amerika Syarikat.

"Kita akan terus menggalakkan aktiviti R&D dalam sektor swasta dan menyokong aktiviti perancangan dan pelaksanaan oleh kerajaan, yang bertujuan meningkatkan kreativiti dan inovasi," katanya.

MTE tiga hari itu yang bermula Khamis, mempamerkan hampir 500 ciptaan dan reka bentuk daripada pencipta, inovator dan pereka bentuk tempatan serta antarabangsa dengan 30 peratus daripada penyertaan dihantar oleh kolej dan sekolah.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 19 FEBRUARI 2016 (JUMAAT)



Gempa Bumi Sederhana Landa Taiwan Khamis

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 1.5 pada skala Richter melanda Yungkang, Taiwan, pagi Khamis.

Menurut **Jabatan Meteorologi**, gempa bumi pada 9.09 pagi itu berlaku 1,835 kilometer timur laut Kudat, Sabah.

Tiada ancaman Tsunami akibat gempa berkenaan, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 24
TARIKH: 19 FEBRUARI 2016 (JUMAAT)**

Minor tremor may have halted big quake

KOTA KINABALU: A minor tremor in Lahad Datu two days ago may have helped avert a widely anticipated major earthquake in the east coast district, a Universiti Malaysia Sabah geologist said.

Dr Felix Tongkul said the 3.3 magnitude tremor that hit off the coast of Lahad Datu at 10.36am on Feb 16 would have helped to release the "stress" that had been building up in the active fault lines there.

"I would be worried if there was nothing happening for a long time," Felix added.

The tremor came nearly two months after

a 6.2 magnitude earthquake in Tarakan, Indonesia, on Dec 22 last year. It shook Lahad Datu and Sabah's east coast.

Last year, Malaysian Meteorological Services Department director Datuk Che Gayah Ismail warned that the authorities should be prepared for a possible major earthquake in Lahad Datu.

Earthquakes can recur at the same location after 30 to 50 years as the "stress" builds up in fault lines. The epicentre of that earthquake was several kilometres south of downtown Lahad Datu.

Tarikan ikan gred A

Lima pemancing kemaruk sentapan ikan walaupun hadapi angin kencang

Oleh Matzidi Dris

mzidi@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Biarpun musim tengkujuh di Sarawak sudah berada di penghujung, namun keadaan laut di perairan negeri ini kini masih tidak menentu.

Cuaca dan keadaan laut kerap berubah-ubah, bukan seperti yang diramalkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia.

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan antara 50 hingga 60 km sejam (km/j) yang menghasilkan ketinggian ombak sehingga 4.5 meter, masih berlaku di perairan itu sekaligus boleh membahayakan bot kecil yang akan membawa pemancing ke laut.

Bukan sahaja bot kecil, malahan keadaan cuaca seperti itu turut berbahaya kepada semua aktiviti perkапalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Ini membuatkan semua pemancing laut dalam di Sarawak berehat sejak penghujung Oktober lalu.

Namun selepas lebih tiga bulan menggantung joran, lima pemancing dari sekitar Miri mencuba nasib untuk melepas gian memancing di perairan Miri.

Keputusan itu, susulan ada beberapa pemancing yang keluar memancing di situ berjaya membawa pulang ikan gred A biarpun jumlahnya kurang memberangsangkan.

Angin kencang merubah keadaan

Lima pemancing yang kemaruk sentapan ikan laut itu ialah Awangku Ibnu Darmawan, 34, Fernandez Agan, 32, Muzhafar Mansor, 27 dan Fathur Syafiq Suderman, 8, iaitu anak kepada tekong bot, Suderman Okasa atau Pak Sudir, 37.



Muzhafar dengan kerapu yang diperolehnya.

Pak Sudir berkata, ketika bot memancing untuk trip selama 12 jam itu, berlepas dari Kuala Miri, pada jam 9 pagi, keadaan laut hanya beralun kecil dan mereka berharap keadaan itu kekal hingga ke lewat petang.

Katanya, dalam trip itu mereka hanya menggunakan kaedah 'jigging' berbanding sebelum ini, menggunakan kaedah dasar, hanyut dan tunda.

Sekitar jam 1 petang mereka berjaya menaikkan kira-kira 40 kilogram ikan iaitu dua barakuda, tiga kerapu, masing-masing seekor jenahak, ebek, jemuduk atau 'Giant trevally' (GT) dan tongkol.

Bagaimanapun, keadaan laut tiba-tiba berubah apabila angin kencang Timur Laut dengan kelajuan antara 30 hingga 40 km/j menghasilkan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter.

Ini yang membuat Awangku Ibnu, Fernandez, Muzhafar dan Fathur Syafiq mabuk laut dan muntah sehingga tidak bermaya.

"Mujur saya tidak mabuk laut dan berjaya memandu bot pulang ke jeti dan selamat sampai di jeti pada jam 4 petang," katanya.

Pak Sudir berkata, biarpun bot sudah diikat di jeti namun keempat pemancing yang kelihatan letih gara-gara mabuk laut enggan naik ke darat.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 19 FEBRUARI 2016 (JUMAAT)



Dua Sarjan Ditahan SPRM Negeri Sembilan Kini Direman

SEREMBAN, 18 Feb (Bernama) -- Dua anggota polis ber pangkat Sarjan yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan semalam, telah direman bagi membantu siasatan berhubung kes meminta dan menerima rasuah daripada seorang suspek berkaitan kesalahan dadah.

Pengarah SPRM Negeri Sembilan Datuk Shaharom Nizam Abd Manap berkata bagi anggota berusia 30 tahun, dia direman selama enam hari manakala anggota berusia 28 tahun direman tiga hari, masing-masing bermula hari ini.

Semalam, SPRM menahan kedua-dua mereka berhampiran sebuah restoran di Temiang di sini pada pukul 7.30 petang.

Kedua-dua mereka yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban, ditahan selepas pengadu yang berusia 36 tahun dan bekerja sebagai buruh binaan membuat aduan bahawa anggota polis terbabit meminta RM2,800, sebelum dia menyerahkan RM500.

Mereka disyaki meminta dan menerima wang daripada pengadu untuk menukar keputusan ujian daripada **Jabatan Kimia** kepada negatif ke atas sampel dadah dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

-- BERNAMA